



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA  
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**EXAMINATION  
FOR  
THE CERTIFICATE IN LEGAL PRACTICE  
2023 JULY EXAMINATION**

**EVIDENCE**

**Wednesday, 26 July 2023**

**Reading Time : 9.00 a.m. - 9.15 a.m.**

**Answering Time : 9.15 a.m. - 12.15 p.m.**

- 
- \* THIS PAPER CONSISTS OF TWO (2) PARTS, 'A' AND 'B' .**
  - \* YOU ARE REQUIRED TO ANSWER QUESTION 1 (ONE) IN PART 'A' WHICH IS COMPULSORY.**
  - \* YOU ARE ALSO REQUIRED TO ANSWER THREE (3) QUESTIONS OUT OF SIX (6) QUESTIONS IN PART 'B'.**
  - \* GIVE REASONS FOR YOUR ANSWERS.**
  - \* RELEVANT CASES AND STATUTORY PROVISIONS MUST BE CITED IN ALL ANSWERS.**
- 

**REMINDER:**

Pursuant to the announcement issued by the Legal Profession Qualifying Board Malaysia dated 14 June 2000 on the use of the national language in the Examination for the Certificate in Legal Practice, this examination paper is set in the English and national language. Candidates may answer questions **either** in the English or national language.

**(This question paper has 7 questions printed on 7 pages)**

**PART A: COMPULSORY QUESTION****1. Candidates MUST answer this question**

By a Sale and Purchase Agreement in writing dated 02.08.2019 (“SPA”), ABC Company (“ABC”), as vendor, sold to XYZ Company (“XYZ”), as purchaser, several pieces of quarrying machinery (“the machinery”) at a price of RM2,000,000.00 to be paid in four (4) equal monthly instalments of RM500,000.00. The SPA specifically stated that XYZ had inspected the machinery, and was satisfied with the condition, state, nature and character of the same in every respect and that ABC sold the machinery on an “as-is-where-is” basis. XYZ defaulted and failed to pay the final instalment sum of RM500,000.00. ABC then issued a letter of demand to XYZ demanding payment of the balance purchase price.

XYZ replied stating that before the SPA was executed, Arthur Chin a director of ABC, and Nelson Ng the General Manager of XYZ had inspected the machinery at the quarry site where it was discovered that the Generator Set which formed part of the Crusher Plant was not working and that it needed repair. XYZ further contended that during that site inspection, Arthur Chin had orally agreed that the costs to be incurred by XYZ to repair the Generator Set would be set-off or deducted from the balance purchase price. The repair cost of the Generator Set was quoted at RM290,000.00. However, ABC denied such an oral agreement existed. Further, XYZ contended in its defence that there was fraudulent misrepresentation by Arthur Chin as to the merchantable quality of the machinery, and that the machinery were not functional nor fit for its intended purpose or use. ABC denied these allegations and stated that there were no warranties or representations of that nature given to XYZ.

ABC then filed a claim at the Sessions Court for recovery of the remaining balance purchase price of RM500,000.00, and sought judgment against XYZ.

- (a) **Explain the burden and standard of proof on the respective parties with respect to Arthur Chin's oral statement prior to the SPA and the fraudulent misrepresentation.**

**(10 marks)**

- (b) **As ABC's counsel at the trial, discuss your submission to exclude the alleged pre-SPA oral agreement.**

**(8 marks)**

- (c) **ABC was unable to locate the original copy of the SPA, and ABC's counsel sought to tender in evidence a digitally scanned copy of the SPA stored in ABC's office computer as part of its official business documents. This was objected to by the counsel for XYZ. If you were the counsel for ABC, on what grounds would you seek admissibility of the digitally scanned copy?**

**(7 marks)**

**PART B: ANSWER ANY THREE (3) QUESTIONS**

**2. Answer ALL parts of this question**

Beng is charged with causing Char Boh, his girlfriend's death by reckless driving. Whilst driving, Beng had a heated argument with Char Boh and lost control of the car that resulted in the accident. Beng argues that at the time of the accident, he suffered from an underlying psychological and psychiatric defect and the heated argument with Char Boh affected his state of mind. Dr. Ismail was called by the accused and gave evidence that the accused suffers from some infirmity of mind. Dr. Ismail testified that Beng was emotionally attached to his girlfriend and the aggravation from the heated argument had affected his mind. The death of his girlfriend has now caused the downward spiral of depression in him so much so that Dr. Ismail had to resort to electroconvulsive therapy in treating Beng's depression.

As the presiding judge in the case, explain by reference to the Evidence Act 1950 and related case laws:

(a) **In considering Dr. Ismail's evidence.**

**(15 marks)**

(b) **The burden and standard of proof of Beng's psychological and psychiatric state of mind.**

**(10 marks)**

**3. Answer ALL parts of this question**

Mudahwang Sdn. Bhd. has commenced legal action against Bruno for defamation. Mudahwang in its statement of claim alleges that Bruno did in his blog allow comments to be posted on GummyGum blog alleging that Mudahwang had paid a former government official to procure a government contract. The comments are from a blogger who goes by the name of GummyGum. GummyGum also alleges that there were witnesses that saw one of Mudahwang's directors paying the said government official for the purposes of procuring the government contract. Bruno denies that he is the author of the comments and that he is not responsible for GummyGum's comments, since he had expressly set out in his blog a disclaimer of liability for comments posted by others on his blog. Bruno has not responded to Mudahwang's request for details of the owner of GummyGum, although GummyGum owner is known to Bruno.

Advise Bruno by reference to the Evidence Act 1950 and relevant case law on the following:

(a) **The burden of proof on Bruno arising from GummyGum's comments on his blog.**

**(15 marks)**

- (b) **The consequences of Bruno's failure to disclose the owner of GummyGum to Mudahwang.**

**(10 marks)**

**4. Answer ALL parts of this question which are separated and independent**

- (a) Ah Long was charged with trafficking in a dangerous drug, an offence under section 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952. Ah Long elected to testify under oath. During cross examination by the learned Deputy Public Prosecutor (DPP), Ah Long's answers were at variance with his statement recorded earlier under section 112 CPC. The DPP moved the court to impeach the credit of Ah Long on the basis of the contradiction between his previous section 112 statement and his sworn testimony in court. However, Ah Long's counsel objected to that application contending that the aforementioned statement recorded under section 112 CPC was inadmissible as it was not voluntarily made by Ah Long and that the caution required under section 112 CPC was not administered before the statement was recorded.

**If you were the presiding judge, explain the procedure that you would adopt in dealing with the application by the prosecution to impeach Ah Long's credit.**

**(13 marks)**

- (b) **Discuss the competence of an undischarged bankrupt plaintiff in a civil suit to testify at the trial of the action as the sole witness of the plaintiff.**

**(12 marks)**

5. **Explain the relationship between relevancy, admissibility and weight of the evidence.**

(25 marks)

6. **Answer ALL parts of this question**

Rimba is charged with the murder of his wife, Fauna. At the time of his arrest at 3 pm, the accused was bare bodied and only clad in jeans. At the police station, Inspector Daun together with Sergeant Kayu led the investigation team and questioned Rimba. Throughout the questioning, Rimba had remained silent but in a withdrawn state.

Later that night, Sergeant Kayu informed Rimba that if he caught his wife in bed with another man, he would go into a rage. Sergeant Kayu advised Rimba to cooperate with the police since the police are looking for the other man that escaped and intend to charge that man for Fauna's murder. Rimba then made a statement that he had stabbed his wife. He also made the following statement, "Sir, I can show you the knife I used to stab my wife." Rimba was then taken to the scene of the crime and showed the police the knife.

At the trial, the Deputy Public Prosecutor (DPP) intends to admit the knife into evidence and calls Orkid, Rimba's 13-year-old daughter, as their witness. Orkid in her statement to the police informed that she had just returned from school on the day of the incident. She looked through one of the windows of the house and saw her mother lying face down on the floor and bleeding profusely. She also saw a knife next to her mother before her father removed it.

Advise Rimba's counsel by reference to the Evidence Act 1950 and relevant case laws on the following:

- (a) **The admissibility of Rimba's statement admitting that he stabbed his wife.**

(10 marks)

- (b) **The admissibility of the knife at the trial.** (8 marks)
- (c) **The admissibility of Orkid's evidence.** (7 marks)

7. **Answer ALL parts of this question**

Bawang is charged for gang-robbery under section 395 of the Penal Code. The prosecution's case is that just after midnight, Bawang together with two (2) others had robbed Ubi of his wallet that contained money and his credit card at a car park at Jalan P. Ramlee, Kuala Lumpur. Ubi had identified Bawang as one of his assailants at an identification parade. Before his arrest, Bawang was caught on closed circuit television (CCTV) using Ubi's credit card at a restaurant a few days after the incident. The accused pleads that he was away in Klang with his girlfriend, Halia at the time of the crime.

Advise the DPP by reference to the Evidence Act 1950 and relevant case laws on the following:

- (a) **The admissibility of Ubi's identification of Bawang at the identification parade.** (10 marks)
- (b) **The admissibility of the CCTV recording.** (8 marks)
- (c) **The burden and standard of proof to establish that Bawang was away in Klang at the time of the offence.** (7 marks)



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA  
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**PEPERIKSAAN  
BAGI  
SIJIL AMALAN GUAMAN  
PEPERIKSAAN BULAN JULAI 2023**

**KETERANGAN**

**Rabu, 26 Julai 2023**

**Masa Membaca : 9.00 pagi - 9.15 pagi**

**Masa Menjawab : 9.15 pagi - 12.15 tengah hari**

- 
- \*KERTAS INI MENGANDUNGI DUA (2) BAHAGIAN, 'A' DAN 'B'.**
  - \*ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN 1 (SATU) DALAM BAHAGIAN 'A' YANG WAJIB.**
  - \*ANDA JUGA DIKEHENDAKI MENJAWAB TIGA (3) SOALAN DARIPADA ENAM (6) SOALAN DALAM BAHAGIAN 'B'.**
  - \*BERIKAN ALASAN BAGI JAWAPAN ANDA.**
  - \*KES DAN PERUNTUKAN STATUTORI YANG RELEVAN MESTILAH DISEBUTKAN DALAM SEMUA JAWAPAN.**
- 

**PERINGATAN:**

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia bertarikh 14 Jun 2000 mengenai penggunaan bahasa kebangsaan dalam Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, kertas peperiksaan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan. Calon-calon boleh menjawab soalan-soalan **sama ada** dalam bahasa Inggeris atau bahasa kebangsaan.

**(Kertas soalan ini mengandungi 7 soalan yang dicetak pada 8 muka surat)**

**BAHAGIAN A: SOALAN WAJIB****1. Calon MESTI menjawab soalan ini**

Melalui suatu Perjanjian Jual Beli secara bertulis bertarikh 02.08.2019 (“PJB”), Syarikat ABC (“ABC”), sebagai vendor, telah menjual kepada Syarikat XYZ (“XYZ”), sebagai pembeli, beberapa buah jentera kuari (“jentera”) pada harga sebanyak RM2,000,000.00 yang hendaklah dibayar secara empat (4) ansuran bulanan yang sama sebanyak RM500,000.00. PJB itu secara khususnya menyatakan bahawa XYZ telah memeriksa jentera itu, dan telah berpuas hati dengan keadaan, tahap, sifat dan ciri jentera itu dalam segala hal dan bahawa ABC telah menjual jentera itu atas dasar “seadanya di situ”. XYZ telah ingkar dan gagal membayar jumlah ansuran terakhir sebanyak RM500,000.00. ABC kemudiannya telah mengeluarkan suatu surat tuntutan kepada XYZ yang menuntut bayaran baki harga belian itu.

XYZ telah menjawab dengan menyatakan bahawa sebelum PJB disempurnakan, Arthur Chin seorang pengarah ABC, dan Nelson Ng Pengurus Besar XYZ telah memeriksa jentera itu di tapak kuari di mana didapati bahawa Set Penjana yang membentuk sebahagian daripada Loji Penghancur tidak berfungsi dan bahawa ia perlu dibaiki. XYZ seterusnya menegaskan bahawa semasa pemeriksaan tapak itu, Arthur Chin telah bersetuju secara lisan bahawa kos yang akan ditanggung oleh XYZ untuk membaiki Set Penjana itu akan ditolak atau dipotong daripada baki harga belian. Kos pembaikan Set Penjana itu telah disebut sebanyak RM290,000.00. Walau bagaimanapun, ABC telah menafikan perjanjian lisan itu wujud. Seterusnya, XYZ menegaskan dalam pembelaannya bahawa terdapat salah nyata fraud oleh Arthur Chin tentang kualiti boleh dagang jentera itu, dan bahawa jentera itu telah tidak berfungsi mahupun sesuai bagi maksud atau kegunaan yang diniatkan baginya. ABC menafikan pengatahan-pengatahan ini dan menyatakan bahawa tiada waranti atau nyataan yang bersifat sebegitu diberikan kepada XYZ.

ABC kemudiannya memfailkan tuntutan di Mahkamah Sesyen bagi mendapatkan balik baki harga belian yang masih ada sebanyak RM500,000.00, dan memohon penghakiman terhadap XYZ.

- (a) **Jelaskan beban dan standard pembuktian ke atas pihak-pihak masing-masing berkenaan dengan pernyataan lisan Arthur Chin sebelum PJB dan salah nyata fraud itu.**

**(10 markah)**

- (b) **Sebagai peguam ABC pada perbicaraan itu, bincangkan penghujahan anda untuk menolak perjanjian lisan pra-PJB yang dikatakan itu.**

**(8 markah)**

- (c) **ABC tidak dapat mengesan salinan asal PJB itu, dan peguam ABC memohon untuk mengemukakan sebagai keterangan salinan PJB yang diimbas secara digital yang disimpan di dalam komputer pejabat ABC sebagai sebahagian daripada dokumen urusan rasminya. Ini telah dibantah oleh peguam XYZ. Jika anda merupakan peguam ABC, atas alasan apakah akan anda mohon bagi kebolehterimaan salinan yang diimbas secara digital itu?**

**(7 markah)**

### **BAHAGIAN B: JAWAB MANA-MANA TIGA (3) SOALAN**

#### **2. Jawab SEMUA bahagian soalan ini**

Beng dipertuduh menyebabkan kematian Char Boh, teman wanitanya dengan pemanduan melulu. Semasa memandu, Beng telah bertengkar hangat dengan Char Boh dan hilang kawalan ke atas kereta yang mengakibatkan kemalangan itu. Beng

menghujahkan bahawa pada masa kemalangan itu, dia telah mengalami kecacatan psikologi dan psikiatrik tersirat dan pertengkaran hangat dengan Char Boh itu telah menjejaskan keadaan akalnya. Dr. Ismail telah dipanggil oleh tertuduh dan memberikan keterangan bahawa tertuduh mengalami suatu kelemahan akal. Dr. Ismail telah memberikan keterangan bahawa Beng rapat dari segi emosi dengan teman wanitanya dan keadaan yang bertambah buruk akibat daripada pertengkaran hangat itu telah menjejaskan akalnya. Kematian teman wanitanya kini telah menyebabkan kemurungan lingkaran ke bawah dalam dirinya sehinggakan Dr. Ismail terpaksa menggunakan terapi elektrokonvulsif dalam merawat kemurungan Beng.

Sebagai hakim yang menjalankan perbicaraan kes itu, jelaskan dengan merujuk kepada Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan:

(a) **Dalam mempertimbangkan keterangan Dr. Ismail.**

**(15 markah)**

(b) **Beban dan standard pembuktian bagi keadaan akal psikologi dan psikiatrik Beng.**

**(10 markah)**

**3. Jawab SEMUA bahagian soalan ini**

Mudahwang Sdn. Bhd. telah memulakan tindakan undang-undang terhadap Bruno bagi fitnah. Mudahwang dalam pernyataan tuntutananya mengatakan bahawa Bruno telah dalam blognya membenarkan komen-komen dihantar dalam blog GummyGum yang mengatakan bahawa Mudahwang telah membayar seorang bekas pegawai kerajaan untuk memperoleh suatu kontrak kerajaan. Komen-komen itu adalah daripada seorang penulis blog yang menggunakan nama GummyGum. GummyGum juga mengatakan bahawa terdapat saksi-saksi yang

melihat salah seorang daripada pengarah Mudahwang membayar pegawai kerajaan tersebut bagi maksud memperoleh kontrak kerajaan itu. Bruno menafikan bahawa dia ialah penulis komen-komen itu dan bahawa dia tidak bertanggungjawab bagi komen-komen GummyGum, memandangkan dia telah menyatakan secara nyata dalam blognya penafian liabiliti bagi komen-komen yang dihantar oleh orang lain dalam blognya. Bruno telah tidak memberikan respons terhadap permintaan Mudahwang bagi mendapatkan butiran mengenai pemilik GummyGum, walaupun pemilik GummyGum dikenali oleh Bruno.

Berikan nasihat kepada Bruno dengan merujuk kepada Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan mengenai yang berikut:

(a) **Beban pembuktian ke atas Bruno yang berbangkit daripada komen-komen GummyGum dalam blognya.**

**(15 markah)**

(b) **Akibat daripada kegagalan Bruno untuk mendedahkan pemilik GummyGum kepada Mudahwang.**

**(10 markah)**

**4. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain**

(a) Ah Long dipertuduh mengedar dadah berbahaya, suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Ah Long memilih untuk memberikan keterangan dengan sumpah. Semasa pemeriksaan balas oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR) yang bijaksana, jawapan Ah Long berbeza dengan pernyataannya yang dirakamkan lebih awal di bawah seksyen 112 KTJ. TPR memohon kepada mahkamah untuk mencabar kebolehpercayaan Ah Long atas dasar percanggahan antara pernyataan seksyen 112nya yang

terdahulu dengan testimoni bersumpahnya di mahkamah. Walau bagaimanapun, peguam Ah Long membantah permohonan itu dengan menegaskan bahawa pernyataan yang disebut terdahulu yang dirakamkan di bawah seksyen 112 KTJ tidak boleh diterima memandangkan ia tidak dibuat secara sukarela oleh Ah Long dan bahawa amaran yang dikehendaki di bawah seksyen 112 KTJ tidak diberikan sebelum pernyataan itu dirakamkan.

**Jika anda ialah hakim yang menjalankan perbicaraan itu, jelaskan prosedur yang akan anda guna pakai dalam mengendalikan permohonan pihak pendakwaan untuk mencabar kebolehpercayaan Ah Long.**

**(13 markah)**

- (b) **Bincangkan kewibawaan seseorang plaintif bankrap belum lepas dalam suatu guaman sivil untuk memberikan keterangan pada perbicaraan bagi tindakan itu sebagai satu-satunya saksi plaintif.**

**(12 markah)**

- 5. Jelaskan hubungan antara kerelevanan, kebolehterimaan dan berat keterangan.**

**(25 markah)**

- 6. Jawab SEMUA bahagian soalan ini**

Rimba dipertuduh membunuh isterinya, Fauna. Pada masa penangkapannya pada pukul 3 petang, tertuduh tidak berbaju dan hanya memakai jeans. Di balai polis, Inspektor Daun bersama-sama Sarjan Kayu mengetuai pasukan penyiasatan dan menyoal siasat Rimba. Sepanjang soal siasat itu, Rimba telah berdiam diri tetapi dalam keadaan menyisihkan diri.

Kemudiannya pada malam itu, Sarjan Kayu memaklumkan Rimba bahawa jika dia mendapati isterinya ada bersama dengan seorang lelaki lain di atas katil, dia akan naik berang. Sarjan Kayu menasihati Rimba untuk bekerjasama dengan polis memandangkan polis sedang mencari lelaki lain yang telah melarikan diri dan berniat untuk menuduh lelaki itu atas pembunuhan Fauna. Rimba kemudiannya membuat pernyataan bahawa dia telah menikam isterinya. Dia juga telah membuat pernyataan yang berikut, “Tuan, saya boleh tunjukkan tuan pisau yang saya gunakan untuk menikam isteri saya.” Rimba kemudiannya dibawa ke tempat kejadian jenayah itu dan menunjukkan pisau itu kepada polis.

Pada perbicaraan itu, Timbalan Pendakwa Raya (TPR) berniat supaya pisau itu diterima sebagai keterangan dan memanggil Orkid, anak perempuan Rimba yang berumur 13 tahun, sebagai saksi mereka. Orkid dalam pernyataannya kepada polis memaklumkan bahawa dia baru sahaja balik dari sekolah pada hari kejadian itu. Dia melihat melalui salah satu tingkap rumah dan melihat ibunya tertiarap di atas lantai dengan muka ke bawah dan berdarah dengan banyaknya. Dia juga melihat sebilah pisau di sebelah ibunya sebelum bapanya mengalihkan pisau itu.

Berikan nasihat kepada peguam Rimba dengan merujuk kepada Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan mengenai yang berikut:

(a) **Kebolehterimaan pernyataan Rimba yang mengakui bahawa dia telah menikam isterinya.**

**(10 markah)**

(b) **Kebolehterimaan pisau itu pada perbicaraan itu.**

**(8 markah)**

(c) **Kebolehterimaan keterangan Orkid.**

**(7 markah)**

**7. Jawab SEMUA bahagian soalan ini**

Bawang dipertuduh atas rompakan berkumpulan di bawah seksyen 395 Kanun Keseksaan. Kes pihak pendakwaan adalah bahawa selepas sahaja tengah malam, Bawang bersama-sama dua (2) orang lain telah merompak Ubi bagi dompetnya yang mengandungi wang dan kad kreditnya di suatu tempat letak kereta di Jalan P. Ramlee, Kuala Lumpur. Ubi telah mengenal pasti Bawang sebagai salah seorang daripada penyerangnya di suatu perbarisan cam. Sebelum penangkapannya, Bawang telah didapati dalam televisyen litar tertutup (TVLT) menggunakan kad kredit Ubi di suatu restoran beberapa hari selepas kejadian itu. Tertuduh memberikan alasan bahawa dia berada jauh di Klang dengan teman wanitanya, Halia pada masa kejadian jenayah itu.

Berikan nasihat kepada TPR dengan merujuk kepada Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan mengenai yang berikut:

(a) **Kebolehterimaan pengenalpastian Bawang oleh Ubi di perbarisan cam.**

**(10 markah)**

(b) **Kebolehterimaan rakaman TVLT.**

**(8 markah)**

(c) **Beban dan standard pembuktian untuk membuktikan bahawa Bawang berada jauh di Klang pada masa kesalahan itu.**

**(7 markah)**

**oOOo**